


# MENANTI JANJJI 100 HARI

**B**erjuang untuk menang dan mengisi sesuatu kemenangan itu ialah dua perkara yang berbeza. Seperti kata bijak pandai yang sering kita dengar, berusaha untuk mencapai kemenangan tidak sepayah untuk memastikan kemenangan tersebut kekal dan bermanfaat. Dalam konteks pilihan raya yang melibatkan pemilihan secara langsung rakyat sesebuah negara bagi memenuhi proses sistem demokrasi, setiap calon akan berusaha memikat hati rakyat untuk mencapai kemenangan sehingga melayakkan kumpulan calon tersebut membentuk sebuah kerajaan yang memerintah. Keunikan sistem demokrasi dalam pentadbiran sesebuah negara merdeka telah membuka peluang kepada rakyat untuk memilih barisan calon yang menepati kehendak semasa mereka, dan pada masa yang sama rakyat mempunyai kuasa memilih calon yang dirasakan berkeupayaan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Di Malaysia, proses meraikan sistem demokrasi melalui pilihan raya diadakan dalam tempoh lima tahun sekali. Hal ini bermakna, dalam tempoh tersebut rakyat berpeluang untuk membuat penilaian terhadap prestasi serta tanggungjawab wakil rakyat yang telah dipilih semasa pilihan raya. Hal ini pastinya akan menjadi perangsang kepada setiap wakil rakyat untuk berusaha memenuhi kehendak rakyat yang diwakilinya agar tetap menjadi pilihan untuk tempoh pilihan raya yang dimenangi mereka serta pilihan raya akan datang. Walau bagaimanapun, pada peringkat Kerajaan Persekutuan, sejak Malaysia merdeka pada tahun 1957 kerajaan yang memenangi semua pilihan raya ialah Barisan Nasional (BN), iaitu gabungan parti politik pelbagai bangsa yang telah mentadbir Malaysia selama 61 tahun, termasuk gabungan sebelum itu yang dipanggil Perikatan.



Kemenangan HARAPAN dalam pilihan raya ke-14 (PRU-14) baru-baru ini telah mencatat satu sejarah baharu negara. HARAPAN yang dianggotai oleh hanya empat buah parti politik, iaitu Parti Pribumi BERSATU Malaysia, Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Amanah Negara, dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) telah berjaya membentuk kerajaan baharu di Malaysia. Keputusan tersebut telah mengejutkan semua pihak, bukan sahaja rakyat biasa, malah penganalisis politik dari dalam dan luar negara juga terkesima dengan keputusan yang telah dibuat oleh majoriti rakyat Malaysia yang telah memenangkan gabungan parti politik yang pada ketika itu masih lagi belum bergabung secara rasmi. "Tsunami rakyat" yang diuar-uarkan di seluruh negara telah mencetuskan satu fenomena baharu bukan sahaja kepada politik Malaysia, malah merangkumi keseluruhan tadbir urus negara. Hasil pemilihan rakyat Malaysia ini telah dianalisis dari pelbagai aspek oleh pakar-pakar yang berkaitan, yang juga telah membuat pelbagai kesimpulan tentang faktor utama yang merangsang rakyat Malaysia untuk memilih HARAPAN.

Antara yang menarik perhatian rakyat Malaysia sepanjang tempoh kempen PRU14 ialah janji-janji yang telah dilontarkan oleh semua calon pilihan raya melalui manifesto masing-masing. Dalam hal ini, HARAPAN dilihat lebih bijak berbanding lawan mereka daripada parti-parti politik yang lain, terutamanya parti kerajaan pada waktu itu, BN. Kebijaksanaan HARAPAN terserlah apabila berjaya menggunakan isu-isu keperluan asas rakyat dan isu popular sebagai janji utama yang digariskan dalam manifesto pilihan raya mereka. Berbeza daripada manifesto BN yang kelihatan seolah-olah kitar semula daripada manifesto pilihan raya sebelum itu, iaitu lebih menekankan aspek pembangunan negara dalam bentuk fizikal dengan cadangan projek infrastruktur mega yang dilihat mewah.

Penulisan ini tidak berhasrat untuk menganalisis faktor-faktor penting yang menyebabkan tumbangannya Kerajaan BN yang dilihat kukuh mentadbir negara sejak merdeka. Namun, perbincangan lebih tertumpu berkaitan janji-janji HARAPAN yang telah berjaya memikat majoriti rakyat Malaysia untuk mengundi mereka sehingga berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan dan tujuh buah kerajaan negeri, serta kerajaan negeri Sabah yang ditadbir oleh Parti Warisan Sabah (Warisan) yang bekerjasama dengan HARAPAN. Kejayaan ini pastinya memerlukan usaha yang jitu daripada Kerajaan HARAPAN untuk merealisasikan janji-janji mereka yang telah dikemukakan melalui manifesto HARAPAN yang bertemakan "Membina Negara Memenuhi Harapan".



Manifesto HARAPAN mengandungi 60 janji yang dibahagikan kepada lima teras utama, iaitu; Teras 1: Meringankan bebanan kehidupan rakyat. Teras 2: Mereformasi institusi pentadbiran dan politik. Teras 3: Merencanakan pertumbuhan ekonomi yang adil dan saksama. Teras 4: Mengembalikan status Sabah dan Sarawak berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963 serta Teras 5: Membina Malaysia yang inklusif, moderat dan gemilang pada persada dunia. Manifesto ini juga ditambah dengan lima iltizam khas yang melibatkan warga FELDA, masyarakat kaum India, golongan wanita, anak-anak muda dan warga emas. Seterusnya, daripada 60 senarai janji yang telah dikemukakan itu, 10 daripadanya dijanjikan akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam tempoh 100 hari pertama pentadbiran Kerajaan Persekutuan.



Adakah Lim Guan Eng selaku Menteri Kewangan mampu mengukuhkan semula kedudukan ekonomi negara?

Persoalannya, berjayakah HARAPAN memenuhi hasrat dan impian rakyat Malaysia yang telah bersetuju dengan janji-janji yang dikemukakan itu? Setelah berjaya membentuk kerajaan, "Buku Harapan" bertemakan "Membina Negara Memenuhi Harapan" yang mengandungi tawaran jangka pendek dan jangka panjang HARAPAN semasa berkempen pada PRU-14 baru-baru ini telah menjadi panduan asas pentadbiran bagi Kerajaan Persekutuan. Buku tersebut menawarkan janji jangka pendek, iaitu 100 hari pertama Kerajaan HARAPAN mentadbir dan janji jangka panjang dalam tempoh lima tahun sehingga pilihan raya akan datang.

Melihat akan tawaran yang telah dikemukakan oleh HARAPAN, banyak pihak berpendapat janji-janji tersebut hanya tinggal harapan dan kurang praktikal, terutamanya tawaran janji 100 hari pertama pentadbiran. Perkara ini telah menjadi bahan jenaka bagi pihak lawan mereka pada musim kempen PRU-14. Pihak BN contohnya menggunakan janji-janji HARAPAN ini untuk memperkecil kemampuan HARAPAN merealisasikan janji-janji tersebut. Pengerusi BN pada PRU-14, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam satu ucapan beliau kepada kumpulan usahawan Bumiputera berkata manifesto HARAPAN hanyalah dokumen yang tidak mengandungi apa-apa kandungan substantif untuk menegakkan dan meneguhkan pembangunan ekonomi Bumiputera secara tuntas dan tegas. Begitu juga dengan kata-kata Timbalan Pengerusi MCA Pahang dan Jurucakap Publisiti MCA, Datuk Seri Ti Lian Ker melalui tulisan beliau di akhbar *Sinar Harian* bertarikh 12 April 2018 telah menyindir janji-janji HARAPAN. Antaranya termasuklah janji HARAPAN untuk menghapuskan cukai GST sebanyak enam peratus dan mengembalikan cukai jualan 10 peratus telah menimbulkan persoalan bagaimana HARAPAN akan menampung

kekurangan RM20 bilion yang bakal kehilangan. Menurut Ti Lian Ker juga, HARAPAN tiada jawapan dan tidak berani menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan terhadap cadangan mereka untuk menghapuskan hutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), subsidi petrol terbesar, pemansuhan hutang peneroka FELDA, dan sebagainya. Dalam tulisan yang sama beliau menambah bahawa manifesto BN semasa PRU-13 telah ditepati dan ditunaikan. Hal ini merupakan cabaran kepada HARAPAN agar mampu melaksanakan janji-janji yang telah digariskan.

Menanti janji 100 hari HARAPAN yang secara matematik bermula pada hari pertama gabungan ini memenangi PRU-14, iaitu pada 9 Mei 2018. Dari tarikh tersebut bermakna pentadbiran HARAPAN akan mencapai usia matang 100 hari pada 17 Ogos 2018. Tempoh ini terlalu singkat untuk sebuah kerajaan yang baru sahaja mengambil alih tampuk pemerintahan daripada kumpulan parti politik yang berbeza. Janji 100 hari ini lebih mudah dilaksanakan jika kerajaan sebelum ini juga terdiri daripada kumpulan pentadbiran yang sama, iaitu daripada gabungan parti politik yang telah memerintah negara sebelum ini. Dengan kata lain, seandainya BN berjanji untuk melaksanakan perubahan dalam tempoh 100 hari selepas PRU-14, keadaan ini lebih realistik dan mudah untuk dilaksanakan. Hal ini bersandarkan perubahan yang perlu dilakukan tidak melibatkan aspek asas pentadbiran negara.

Berkaitan tempoh 100 hari yang dijanjikan itu, bekas menteri kanan semasa pentadbiran Tun Dr. Mahathir menjadi perdana menteri pada kali pertama sebelum ini, iaitu Tan Sri Rafidah Aziz dengan tegas mengatakan tempoh yang ditetapkan ini merupakan sesuatu yang tidak masuk akal. Menurut beliau, sesuatu yang mustahil bagi



Anggota Majlis Penasihat Kerajaan yang ditubuhkan selepas Pakatan Harapan membentuk Kerajaan Persekutuan.

sebuah kerajaan untuk menyelesaikan semua masalah dalam tempoh 100 hari. Malah, dalam satu wawancara bersama-sama sebuah stesen radio tempatan baru-baru ini Rafidah mengatakan tindakan meletakkan tempoh 100 hari itu sesuatu yang "kurang bijak". Beliau menjelaskan jika tempoh 100 hari itu digugurkan, kerajaan akan dapat melaksanakan setiap perkara yang dijanjikan itu dengan lebih berkesan dan secara tersusun.

Sebenarnya pihak massa juga sedikit skeptikal dengan tempoh 100 yang dijanjikan oleh Kerajaan HARAPAN. Rata-rata masyarakat menerusi komen yang dilontarkan di media sosial popular seperti facebook dan twitter meluahkan rasa bimbang terhadap keupayaan Kerajaan HARAPAN untuk memenuhi 10 janji dalam tempoh 100 hari pentadbiran mereka. Walau bagaimanapun, kebimbangan tersebut seakan-akan terubat kerana dalam tempoh minggu-minggu awal pentadbiran kerajaan telah menunjukkan usaha yang terarah untuk merealisasikan 10 janji tersebut oleh barisan menteri kabinet bersama-sama Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri Malaysia. Hampir setiap hari pihak kerajaan menguar-uarkan tindakan terkini yang akan dilaksanakan untuk memenuhi janji-janji 100 hari menerusi kementerian yang berkaitan.

Sejak hari pertama YAB Tun Dr. Mahathir dilantik sebagai perdana menteri beliau dengan komited telah meyakinkan rakyat terhadap usaha untuk memenuhi janji-janji manifesto HARAPAN. Penubuhan Majlis Penasihat Kerajaan merupakan satu contoh terbaik yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi melancarkan proses penyusunan semula struktur ekonomi dan kewangan negara semasa tempoh peralihan kuasa daripada Kerajaan BN sebelum ini supaya dapat dilaksanakan dengan tersusun tanpa memberikan kesan terhadap ekonomi negara. Majlis Penasihat Kerajaan yang terdiri daripada tokoh dan pakar dalam bidang ekonomi dan

kewangan diberi tanggungjawab untuk menasihati dan mencadangkan langkah terbaik kepada kerajaan, terutamanya yang berkaitan ekonomi dan kewangan. Ahli-ahli Majlis Penasihat Kerajaan tersebut terdiri daripada bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz; bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Hassan Merican; ahli perniagaan terkenal yang merupakan individu terkaya di Malaysia, Tan Sri Robert Kuok dan ahli ekonomi terkemuka negara, Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram, serta bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin sebagai pengerusi.

Fungsi Majlis Penasihat Kerajaan antara lain termasuklah menilai dan mengkaji semula dasar serta polisi kewangan negara agar dapat disesuaikan dengan beberapa janji 100 hari HARAPAN yang berkaitan secara langsung dengan sistem pengurusan kewangan negara. Janji 100 hari yang diberi perhatian utama oleh kerajaan ialah penghapusan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Hal ini merupakan antara janji 100 hari HARAPAN yang telah ditunaikan oleh kerajaan. Bermula 1 Jun 2018 GST dikenakan pada kadar sifar peratus di seluruh negara. Penetapan nilai GST merupakan antara janji popular yang diharapkan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Sejak diperkenalkan pada 1 April 2015, GST telah menjadi seolah-olah "duri dalam daging" kepada rakyat. Walaupun pelaksanaan GST adalah cara terbaik untuk kerajaan mempelbagaikan sumber pendapatan negara selain mereformasi sistem percukaian dan kecekapan pungutan cukai negara, namun beban cukai enam peratus ini telah mengurangkan kuasa beli rakyat, terutamanya rakyat berpendapatan sederhana dan rendah. Sistem percukaian GST secara tidak langsung telah meningkatkan harga barang-barang keperluan yang membebankan rakyat. Pengenalan GST juga merupakan



## 10 JANJI 100 HARI

- ❖ Hapuskan GST
- ❖ Subsidi Petrol Bersasar
- ❖ Hapuskan Hutang Peneroka FELDA
- ❖ KWSP untuk Suri Rumah
- ❖ Menyamaratakan Gaji Minimum
- ❖ Menanggukhan Bayaran PTPN Gaji Kurang RM4000
- ❖ Menyiasat Skandal 1MDB, Tabung Haji, FELDA, MARA dan Forest City
- ❖ Mengembalikan Status Sabah dan Sarawak
- ❖ Skim Peduli Sihat
- ❖ Kaji Semula Projek Mega

salah satu faktor yang menyuntik semangat rakyat untuk tidak memilih BN semasa PRU-14 baru-baru ini.

HARAPAN dapat membaca kehendak rakyat ketika menghadapi PRU-14. Bagi memenuhi keperluan rakyat yang rasa terbeban dengan pelaksanaan GST oleh Kerajaan BN pada waktu itu, HARAPAN telah memilih untuk memberikan jawapan penyelesaian kepada isu GST dengan mengemukakan GST antara isu penting yang akan diselesaikan pada tempoh 100 hari pertama pentadbiran HARAPAN. Pemilihan isu yang bersifat populis ini telah memberikan impak positif kepada HARAPAN pada PRU-14. Seterusnya, kesan positif ini bertambah baik dan berkesan kepada rakyat apabila janji berkaitan GST yang tertera antara 10 janji 100 hari HARAPAN telah berjaya dilaksanakan bermula 1 Jun 2018. Walaupun ada sesetengah pihak melihat penetapan GST pada kadar sifar peratus akan memberikan kesan yang tidak baik terhadap kedudukan kewangan negara, namun kerajaan telah merancang untuk memperkenalkan semula cukai jualan dan perkhidmatan (SST) pada kadar 10 peratus bermula September 2018. Terdapat kelebihan dan kekurangan antara GST dengan SST. Walau bagaimanapun, kerajaan pastinya akan menemukan mekanisme yang terbaik untuk melaksanakan perubahan sistem percukaian ini. Tambahan pula keanggotaan Majlis Penasihat Kerajaan yang terdiri daripada pakar bidang yang telah terbukti kewibawaan masing-masing untuk memberikan nasihat dan syor yang terbaik kepada kerajaan.

Janji kedua daripada 10 janji 100 hari HARAPAN adalah berkaitan penstabilan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar. Janji ini juga merupakan antara isu popular yang berjaya menarik hati rakyat sepanjang tempoh kempen PRU-


14. Pengenalan sistem penetapan harga minyak secara mingguan berdasarkan harga minyak di pasaran dunia sebelum ini telah memberikan kesan yang tidak baik kepada pengurusan pendapatan dan perbelanjaan rakyat. Kedudukan harga minyak yang tidak menentu dengan kebanyakannya meningkat telah menambahkan kos sara hidup masyarakat terutama yang tinggal di bandar besar seperti di Kuala Lumpur. Buat masa ini kerajaan HARAPAN masih lagi belum menetapkan mekanisme yang perlu untuk menangani kedudukan harga minyak. Cuma untuk tempoh sekarang, iaitu sejak penubuhan Kerajaan HARAPAN, harga minyak masih lagi diapung pada harga yang sama seperti sebelum PRU-14.

Jika diteliti janji 100 hari HARAPAN dari sudut kebajikan kepada rakyat, 10 janji yang digariskan melalui manifesto pilihan raya HARAPAN ini, tujuh daripadanya

memberikan kesan secara langsung kepada kos sara hidup dan pendapatan kebanyakan rakyat. Hal ini bukan bermakna tiga janji yang lain itu tidak penting, janji-janji tersebut juga penting cuma tidak memberikan impak segera secara langsung kepada rakyat berpendapatan sederhana dan rendah. Janji berkaitan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk segera menyemak dan melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963, janji untuk melancarkan kajian terperinci tentang projek-projek mega yang dianugerahkan kepada negara asing dan janji untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja terhadap isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), FELDA, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Tabung Haji, serta merombak semula struktur kepimpinan institusi-institusi tersebut dilihat tidak memberikan impak segera terhadap peningkatan pendapatan rakyat. Walau bagaimanapun, penekanan terhadap isu-isu tersebut telah menarik minat rakyat untuk melihatnya sebagai skandal yang mengganggu kedudukan kewangan negara.

Isu 1MDB contohnya, sebaik-baik sahaja Kerajaan HARAPAN ditubuhkan, pihak berkuasa yang berkaitan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Jabatan Imigresen Malaysia dengan segera bertindak menjalankan siasatan terhadap individu-individu yang berkait rapat dengan skandal syarikat pelaburan negara 1MDB, termasuk mantan perdana menteri yang turut disoal siasat. Walaupun pada masa ini penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja masih belum ditubuhkan, namun agensi-agensinya yang berkaitan telah pun menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Janji berkaitan isu 1MDB ini telah mengembirakan rakyat. Sebaik-baik sahaja pihak berkuasa mendedahkan penemuan wang tunai, barang berharga dan barang-barang



lain daripada sumber yang berkaitan dengan skandal 1MDB, rakyat begitu teruja untuk mengikuti perkembangannya. Di media sosial popular, isu berkaitan rampasan wang tunai dan barang bukti oleh pihak berkuasa telah menjadi tular disertakan dengan komen-komen yang pelbagai, kebanyakannya berbau negatif dan penghinaan kepada individu yang disyaki terlibat dengan isu 1MDB tersebut. Selain tular dengan cerita rampasan bukti-bukti tersebut, pengguna media sosial juga begitu "kreatif" membuat tokok tambah berupa gambar dan video yang diedit secara melampau sehingga menghina dan menjatuhkan maruah individu yang terlibat. Situasi sebegini telah menyerlahkan tentang sikap serta personaliti sebenar majoriti pengguna media sosial di Malaysia. Rata-rata netizen yang aktif di media

sosial masih lagi tidak matang untuk membicarakan isu-isu yang besar dan berfakta seperti ini. Hal berkaitan sahshiah dan kematangan pengguna media sosial juga perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan, terutama agensi yang berkaitan seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Kementerian sewajarnya melihat isu sahshiah pengguna media sosial lebih penting daripada tawaran tawangan perlawanan bola sepak piala dunia secara langsung di RTM.

Isu berkaitan pembayaran balik pinjaman PTPTN juga berkait dengan kesedaran serta sahshiah pelajar yang menggunakan kemudahan ini. Kerajaan HARAPAN telah meletakkan isu pembayaran balik pinjaman PTPTN ini antara 10 janji 100 hari yang akan diselesaikan. Berdasarkan manifesto HARAPAN, kerajaan bercadang untuk memberikan penangguhan pembayaran balik pinjaman PTPTN kepada semua peminjam yang mendapat gaji kurang daripada RM4000 sebulan dan memansuhkan dasar senarai hitam ke atas peminjam.

Walaupun bagaimanapun, tular di media massa terutamanya media sosial mengatakan kerajaan HARAPAN

akan memansuhkan hutang PTPTN yang telah digunakan oleh peminjam. Berdasarkan kefahaman ini, semua peminjam PTPTN sebelum ini tidak perlu lagi menjelaskan jumlah hutang yang telah digunakan oleh mereka. Kekeliruan ini telah menimbulkan reaksi yang berbeza daripada masyarakat. Peminjam yang sadar dan faham tentang kaedah hutang yang wajib dibayar kembali merasakan golongan peminjam yang mengelak untuk membayar hutang-ini sebagai tidak bertanggungjawab. Perkara ini turut mendapat reaksi daripada Pengerusi PTPTN Datuk Shamsul Anuar Nasarah yang dipetik daripada laporan akhbar *Sinar Harian* bertarikh 6 Mei 2018 sebagai berkata jika hutang tersebut dihapuskan, hal tersebut sebenarnya hanyalah memindahkan hutang peminjam kepada kerajaan, dan akhirnya 30 juta rakyat Malaysia pula perlu membayar wang berkenaan. Beliau menambah cadangan HARAPAN untuk menghapuskan hutang PTPTN tidak realistik, tidak berpijak di bumi nyata, kerana jumlah hutang sekarang mengikut rekod sehingga Mac 2018 berjumlah RM52.84 bilion.

Namun demikian, sebagai memenuhi janji 100 hari HARAPAN, kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan penangguhan pembayaran balik hutang PTPTN bagi golongan pekerja yang mendapat gaji di bawah RM4000 sebulan serta memansuhkan dasar senarai hitam nama peminjam untuk ke luar negara seperti yang dijanjikan.

Dalam tempoh 100 hari pentadbiran HARAPAN, rakyat seolah-olah menjadi "polis" yang sentiasa meneliti dan memeriksa setiap tindakan yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan. Dengan pelantikan menteri kabinet yang masih belum lengkap telah memberi sedikit kecacatan dalam pentadbiran kerajaan, terutamanya semasa tempoh untuk melaksanakan 10 janji 100 hari ini. Pada masa ini terdapat beberapa Kementerian yang masih belum mempunyai menteri yang akan membawa nilai tambah serta idea-idea

baharu kepada matlamat setiap agensi kerajaan tersebut. Kelewatan pelantikan menteri-menteri ini seolah-olah memberikan gambaran Kerajaan HARAPAN seperti tidak bersedia untuk membentuk sebuah kerajaan selepas PRU-14 baru-baru ini. Adakah kemenangan HARAPAN ini juga tidak pernah dijangka oleh pemimpin HARAPAN?

Ketiadaan menteri yang bertanggungjawab berkaitan undang-undang telah memberikan kesan kepada pelaksanaan janji 100 hari HARAPAN. Janji berkaitan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk segera menyemak dan melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963 yang melibatkan negeri Sabah dan Sarawak dilihat seakan terbantut tanpa individu yang bertanggungjawab terhadap isu tersebut. Sehingga hari ini, janji berkaitan perkara ini masih lagi tidak disentuh oleh kerajaan. Harapan rakyat kepada HARAPAN terutamanya rakyat di Sabah dan Sarawak berkaitan semakan Perjanjian Malaysia 1963 sangat ditunggu-tunggu. Sebelum tempoh 100 hari tiba, Kerajaan HARAPAN seharusnya menangani isu ini agar tertunai seperti janji-janji yang lain.

Terdapat beberapa perkara yang boleh menjadi halangan kepada Kerajaan HARAPAN untuk menunaikan 10 janji dalam tempoh 100 hari seperti yang dijanjikan. Pada dua minggu pertama kerajaan dibentuk, rakyat dikejutkan dengan pendedahan berkaitan kedudukan kewangan negara. Perdana menteri melaporkan hutang negara telah mencecah ke angka Ringgit Malaysia 1 trilion. Kemudian nilai ini disahkan oleh Menteri Kewangan, seterusnya telah menimbulkan kegelisahan dalam kalangan rakyat sehingga terdapat rakyat yang sanggup untuk menghulurkan derma kepada kerajaan bagi menyelesaikan hutang berkaitan. Persoalannya, wajarkah nilai hutang negara didedahkan secara terbuka dan meluas seperti yang telah berlaku ini? Adakah pendedahan nilai hutang negara ini turut memberikan kesan kepada minat pelabur untuk melabur di Malaysia?





Antara pihak yang menghulurkan sumbangan kepada Tabung Harapan.

Persoalan-persoalan ini wajar dijawab dengan teliti oleh pihak yang berkaitan.


Adakah pendedahan nilai hutang negara yang tinggi ini mengganggu usaha HARAPAN untuk melunaskan 10 janji 100 hari yang digariskan? Secara logiknya kedudukan kewangan negara yang tidak baik akan sedikit sebanyak memberikan kesan kepada usaha kerajaan untuk melaksanakan pembangunan negara. Berkaitan perkara ini, perdana menteri telah mengumumkan pembatalan dua projek mega yang melibatkan kos yang tinggi. Projek-projek tersebut termasuklah projek Rel Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) dan projek Transit Aliran Massa (MRT) laluan 3 atau Laluan MRT Lingkaran. Namun, keputusan akhir pembatalan HSR tertakluk pada perbincangan dengan Kerajaan Singapura. Pembatalan projek-projek ini boleh juga dikira sebagai memenuhi salah satu daripada 10 janji 100 hari HARAPAN yang berjanji untuk membuat kajian terperinci tentang projek-projek mega yang dianugerahkan kepada negara asing. Seterusnya, kedudukan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) masih belum dimuktamadkan oleh kerajaan.

Satu lagi daripada 10 janji kerajaan HARAPAN untuk dilaksanakan dalam tempoh 100 hari adalah dengan memperkenalkan Skim Peduli Sihat dengan memberikan RM500 pembiayaan untuk rawatan asas di klinik swasta berdaftar bagi golongan B40. Konsep Skim Peduli Sihat ini seolah-olah sama seperti skim yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak di bawah pentadbiran Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebagai Menteri Besar Selangor. Walau bagaimanapun, proses pelaksanaan skim ini di Kementerian Kesihatan masih lagi pada peringkat permulaan. Menteri Kesihatan yang dilantik menyatakan skim tersebut masih dalam proses penyelarasan dengan agensi yang berkaitan untuk dilaksanakan seperti yang dilaporkan melalui laman web rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia. Pelaksanaan skim ini diyakini

akan mampu diselesaikan dalam tempoh terdekat serta menepati tempoh 100 hari seperti yang dijanjikan.

Seterusnya, janji HARAPAN untuk memperkenalkan skim caruman KWSP untuk suri rumah. Janji ini telah mendapat reaksi yang bercampur-campur daripada pelbagai lapisan masyarakat. Sebaik-baik sahaja diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, ahli masyarakat terutama golongan suami telah memberikan pandangan untuk tidak bersetuju. Walaupun sebenarnya mereka bukan tidak bersetuju secara total, namun timbul kerisauan tentang jumlah potongan yang telah banyak daripada pendapatan mereka selama ini. Penjelasan daripada Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tentang jumlah dua peratus yang akan dipotong bukanlah tambahan potongan yang baharu tetapi termasuk daripada 11% potongan sedia ada dengan tambahan RM50 sumbangan daripada kerajaan telah melegakan semua pihak. Janji ini telah berjaya ditunaikan oleh Kerajaan HARAPAN.

Debaran seluruh rakyat berkaitan 10 janji Kerajaan HARAPAN dalam tempoh 100 hari semakin kencang sehingga kesemua janji-janji tersebut berjaya ditunaikan. Debaran ini bukan sahaja berlaku kepada pihak yang terlibat secara langsung, iaitu rakyat kebanyakan, malah debaran juga turut dirasai oleh saingan politik Kerajaan HARAPAN seperti BN dan juga Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Pesaing politik HARAPAN yang sering mengkritik serta memperkecil senarai janji HARAPAN ini akan berdebar semakin kencang jika pihak kerajaan mampu melaksanakan kesemua janji yang dikemukakan dalam tempoh 100 hari pertama. Andai kata janji ini berjaya dipenuhi, maka Kerajaan HARAPAN dikira telah lulus satu ujian awal dalam pentadbiran mereka. Namun jika gagal, dan HARAPAN tidak dapat memberikan penjelasan serta menggantikannya dengan sesuatu yang mampu menarik hati rakyat, maka tidak mustahil kedudukan HARAPAN



sebagai kerajaan untuk tempoh yang lama akan tercabar dan berkemungkinan rakyat yang mengundi mereka akan kecewa.

Terlalu besar cabaran bagi Kerajaan HARAPAN untuk memenuhi kesemua 60 janji yang telah digariskan melalui manifesto PRU-14 baru-baru ini. 10 janji terpilih yang diawalkan untuk dilaksanakan dalam tempoh 100 hari pertama pentadbiran ini dilihat seakan-akan boleh dilaksanakan oleh kerajaan dengan jayanya. Kejayaan ini boleh berlaku hanya jika semua yang terlibat dengan pelaksanaan janji tersebut mampu menerima arahan serta memahami falsafah yang terkandung dalam setiap janji-janji tersebut, iaitu bermula daripada peringkat paling atas dalam hierarki pentadbiran kerajaan sehinggalah anggota perkhidmatan awam yang terlibat sebagai pelaksana melalui agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bekerjasama untuk merealisasikan perancangan tersebut dengan jayanya. Jika berlaku kebocoran dalam proses yang bermula dengan penggubal dasar sehingga kepada pelaksana dasar tersebut, maka janji serta falsafah indah yang digariskan itu hanya tinggal harapan semata-mata, iaitu perancangan yang gagal dilaksanakan dengan baik.

Perkara berkaitan pengurusan institusi ini telah diberi penekanan oleh Majlis Penasihat Kerajaan sejak hari pertama anggota majlis ini bersidang. Isu pemulihan institusi telah dibangkitkan agar setiap perkara yang digariskan serta dirancang dapat dilaksanakan dan disampaikan melalui saluran yang sepatutnya. Antara perkara yang ditegaskan ialah isu berkaitan rasuah dalam institusi kerajaan. Perdana menteri sendiri telah menegaskan bahawa tiada lagi unsur-unsur pemberian hadiah kepada agensi kerajaan oleh pihak yang berkepentingan dan berkaitan dengan sesuatu urusan atau projek kerajaan. Penegasan tentang isu rasuah dalam kerajaan amat perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Usaha Kerajaan HARAPAN untuk menyentuh isu ini pada peringkat awal pentadbiran ialah sesuatu yang harus diberi pujian. Bahana rasuah dalam institusi akan memberikan kesan yang besar terhadap keseluruhan sistem pengurusan

kerajaan. Dalam hal ini, agensi berkaitan seperti SPRM perlu lebih tegas dan dilihat sebagai sebuah agensi penguatkuasaan yang digeruni.

Penambahbaikan peranan serta kedudukan SPRM perlu dibincangkan oleh pihak kerajaan agar agensi ini bukan sahaja boleh bertindak ke atas pesalah rasuah, malah perlu lebih bebas daripada pengaruh kuasa golongan yang lebih berkuasa dalam pentadbiran kerajaan. Pengalaman pengurusan negara sebelum ini sepatutnya diambil iktibar oleh semua anggota kerajaan yang baru ini selaras dengan tema kerajaan HARAPAN, "Membina Negara Memenuhi Harapan".

Perkara yang perlu sentiasa diingat oleh kerajaan ialah kuasa memilih kerajaan sebenarnya berada di tangan rakyat. Jika sebelum ini rakyat Malaysia dikatakan "takut" untuk berubah memilih kerajaan, namun PRU-14 telah membuktikan rakyat Malaysia telah berani untuk membuat perubahan. Jika kerajaan yang mentadbir pada masa tersebut gagal melaksanakan tugasnya seperti yang diharapkan, maka jalan terbaik adalah dengan menukarkannya dengan kerajaan yang baharu. Perkara ini telah dilakukan oleh majoriti rakyat Malaysia yang mengundi pada PRU-14 baru-baru ini.

Menyedari akan hal tersebut, Kerajaan HARAPAN perlu memahami kehendak dan kuasa rakyat pada alaf baharu ini. Jika janji yang dinyatakan gagal dilaksanakan, maka tidak mustahil rakyat akan melakukan perubahan sekali lagi. Sesuai dengan pepatah "air yang tenang jangan disangka tiada buaya" kerana "buaya" kebiasaannya akan mengamuk apabila hak dan kesesuaiannya diganggu serta tidak diberi perhatian. Kerajaan HARAPAN yang popular dengan slogan "membina semula negara" seharusnya memanfaatkan mandat yang diberi oleh rakyat menerusi PRU-14 ini untuk sama-sama membina negara Malaysia baharu yang lebih berdaya saing dan maju. Jika lembu dipegang pada tali, maka ahli politik seharusnya berani menunaikan janjinya! 🇲🇾

**Penulis Penserah Kanan Universiti Tenaga Nasional, Putrajaya.**